



TIMBALAN PERDANA MENTERI, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi menyampaikan pingat kepada pemenang Anugerah Best Of Nation, Mohamad Farhan Zaki, semasa majlis penutup dan penyampaian hadiah Pertandingan Kemahiran ASEAN (ASC) 2016 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.



KONTINJEN Malaysia muncul sebagai juara keseluruhan dengan memenangi 24 pingat emas, empat pingat perak dan lima pingat gangsa pada Pertandingan Kemahiran ASEAN (ASC) 2016.

21 pelajar menerusi institusi pendidikan ke ASC 2016

MARA pupuk TVET kepada belia

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 29 SEPT.

USAHA kerajaan memperkuatkukan program latihan teknikal dan vokasional (TVET) adalah bertujuan menyediakan kemahiran serta mempersiapkan para belia untuk memasuki pasaran buruh.

Pendidikan TVET dijangka menangani pelbagai tuntutan ekonomi, sosial dan alam sekitar dengan membantu kalangan belia memajukan kemahiran sejajar keperluan masa kini.

Menjelang tahun 2020 dianggarkan terdapat sebanyak 3.3 juta peluang pekerjaan yang mana 1.3 juta dalam bidang teknikal dan teknologi termaju.

Justeru Majlis Amanah Rakyat (MARA) perlu sentiasa terkehadapan dalam usaha mendidik, melatih dan membangunkan bumiputera yang unggul supaya dapat bersaing dalam pelbagai bidang berpendapatan tinggi.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pernah berkata, MARA perlu memperluaskan bidang TVET ini, dengan menerokai bidang-bidang



MARA perlu memperluaskan bidang TVET ini, dengan menerokai bidang-bidang baharu yang berteknologi tinggi yang akan menyumbang kepada pembangunan sosial ekonomi masyarakat bumiputera dan negara”

DATUK SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

baharu yang berteknologi tinggi yang akan menyumbang kepada pembangunan sosial ekonomi masyarakat bumiputera dan negara.

Sehubungan itu, MARA menerusi institusi pendidikannya diberi peranan dalam memartabatkan pendidikan TVET di negara ini terhadap golongan belia bumiputera.

Antara usaha itu termasuklah penyertaan 21 pelajar dari pelbagai institusi pendidikan MARA antaranya Institusi Kemahiran MARA, Pusat GIATMARA dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA dalam Pertandingan Kemahiran ASEAN (ASC) 2016 yang bermula pada 23

September lalu sehingga semalam.

Melalui pertandingan itu, para pelajar MARA diberi peluang untuk mengasah kemahiran masing-masing sekali gus mendedahkan diri dalam bidang TVET.

Menurut pelajar jurusan Diploma Elektronik, Institut Perindustrian MARA-Jepun (MJII) Beranang, Muhammad Najmuddin Abdul Nasir, 21, usaha MARA dalam membangunkan pendidikan TVET hambar mencapai sasaran khususnya menerusi penyertaan ke ASC 2016.

Katanya, tanpa tunjuk ajar para penyayang termasuk usaha MARA untuk mengajak golongan belia bumiputera memasuki pendidikan

TVET, adalah mustahil baginya dan juga rakan-rakan lain memasuki pertandingan bertaraf berprestij itu.

“Sepanjang berada di MJII, saya banyak menimba ilmu dan pengalaman khususnya dalam bidang elektronik,” katanya yang meraih pingat emas bagi kategori elektronik dalam ASC 2016.

Nada sama turut disuarakan oleh pemenang pingat emas dalam kategori pembuatan kabinet, Mohd. Izuwan Mat Rabi, 21, dengan menjelaskan MARA telah banyak mengubah kehidupannya terutama dari segi akademik.

Institut Kemahiran MARA Sungai Petani telah mendedahkan diri dalam pembentukan kemahiran dan ia dilihat memberi kesan positif dalam diri saya.

Menurut Mohamad Farhan, dia menyifatkan penganugerahan itu satu penghargaan kepada MARA dalam membangunkan pendidikan TVET di negara ini.

Pada ASC 2016 itu, kontingen Malaysia menjadi juara keseluruhan dengan meraih 24 pingat emas, empat pingat perak dan lima pingat emas.

Pelajar-pelajar dari institusi pendidikan MARA menjadi penyumbang pingat terbesar kontingen Malaysia apabila memenangi 12 pingat emas, dua perak dan dua gangsa.

Utusan Malaysia
Jumaat, 30 Sept 2016



REAKSI

PANDANGAN BELIA MENGENAI PENDIDIKAN TVET



SEPANJANG berada di MJII, saya banyak menimba ilmu dan pengalaman khususnya dalam bidang elektronik.”

MUHAMMAD NAJMUDDIN ABDUL NASIR

Pelajar Diploma Elektronik,
Institut Perindustrian MARA-Jepun (MJII) Beranang



INSTITUT Kemahiran MARA Sungai Petani telah mendedahkan diri dalam pembentukan kemahiran dan ia dilihat memberi kesan positif dalam diri saya.”

MOHD. IZUWAN MAT RABI

Pelajar Institusi Kemahiran MARA Sungai Petani



STATUS jantina tidak menghalang untuk menceburι bidang yang majoriti terdiri daripada kaum lelaki.”

KU SITI KHADIJAH KU PERA

Pelajar Diploma Pemasangan Elektrikal, GIATMARA Arau